

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM HARI WANITA MALAYSIA 1988  
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 24-08-1988

Yang Amat Mulia Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah bt. Sultan Iskandar Yang Berbahagia Tan Sri (Dr.) Fatimah bt.

Hashim, Yang di-Pertua NCWO; Yang Berbahagia Datin Paduka Zaleha binti Ismail, Naib Yang di-Pertua NCWO merangkap Pengerusi Majlis Makan Malam Hari Wanita Malaysia 1988; Yang Berbahagia Datuk Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan, Tahun 1988 ini ialah ulangtahun ke-25 Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO). NCWO mempunyai banyak sebab untuk merasa bangga atas pencapaiannya. Menganjurkan satu program khas bagi memperingati ulangtahun ke-25 majlis ini, yang mempunyai 44 pertubuhan gabungan terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan politik, ekonomi, sosial, keagamaan profesional, Persatuan Sekerja dan Pertubuhan Belia adalah satu usaha yang gigih.

2. Majlis Penasihat dan Perundingan bagi pertubuhan bukan Kerajaan ini telah selama 25 tahun maju ke hadapan dalam pelbagai sektor pembangunan negara, sama ada sosial, ekonomi atau politik yang meliputi juga tanggungjawab dan hak-hak wanita, kehidupan berkeluarga, kebajikan kanak-kanak dan belia, pelajaran, alam sekitar, keamanan, hak asasi manusia dan kesihatan. NCWO telah bekerja keras untuk mempertingkatkan kedudukan wanita dari segi undang-undang. Kesemua perkara ini, dalam berbagai-bagai dimensi telah mendapat perhatian NCWO. Hasilnya ialah wanita dalam semua peringkat masyarakat telah digalakkan menyediakan diri mereka bagi menghadapi berbagai-bagai cabaran.

3. Sambil kita mengenang kembali pencapaian-pencapaian majlis ini selama 25 tahun yang lalu, kita tidak dapat tidak mengakui bahawa melalui kerja-kerja yang penuh dedikasi oleh pertubuhan-pertubuhan gabungan NCWO telah wujud pergerakan wanita yang bertambah maju, kukuh dan aktif. Kebanyakan pertubuhan ini telah menyerap pengaruh ke peringkat akar umbi dengan tujuan utama masing-masing bagi meningkatkan harga diri wanita, mewujudkan kesedaran betapa pentingnya fungsi perkongsian dan tanggungjawab yang mesti disediakan.

4. Tahniat kepada NCWO dan 44 pertubuhan gabungannya yang telah dapat menyemarakkan obor kemajuan wanita dan mencatatkan kemajuan yang pesat. Abad ke-20 akan berakhir tidak lama lagi, tetapi semenjak Perang Dunia Kedua dahulu, wanita Malaysia telah menempuh cabaran-cabaran yang hebat.

Bidang-bidang yang dahulunya diiktiraf sebagai monopoli lelaki dan ditutup kepada wanita sekarang telah semuanya terbuka. Wanita telah memperolehi berbagai-bagai kemahiran dan pengetahuan, dan telah dengan beraninya memasuki bidang-bidang ini atas kebolehan mereka sendiri. Semua wanita di negara ini terhutang budi kepada pertubuhan-pertubuhan wanita atas peranan mereka yang tidak ternilai dalam memecah tradisi dan tanggapan bahawa wanita itu lemah.

Puan-puan dan tuan-tuan,

5. NCWO, semenjak awal-awal lagi telah menumpukan usahanya dengan penuh dedikasi terhadap perpaduan dan keamanan. Perpaduan bangsa adalah kepentingan utama bagi NCWO. Melalui pertubuhan-pertubuhan pertubuhan-pertubuhan gabungan dan sebagai sebuah Majlis Kebangsaan, NCWO telah mendesak dan menggalakkan wanita di negara ini untuk memperjuangkan kemajuan, kemakmuran, keamanan dan demokrasi. Tekanan yang diberikan oleh Majlis ini ialah penyebaran nilai-nilai dan semangat universal sebagai fungsi utama wanita. Wanita dikehendaki memikul tanggungjawab dan komitmen ini dalam rumahtangga dan keluarga tetapi ditekankan juga supaya bekerja berterusan untuk perpaduan dalam negara berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang kebudayaan. Sepanjang suku abad yang lalu, NCWO dengan tidak jemu-jemu meneruskan komitmennya untuk mendapatkan hak undang-undang yang lebih luas bagi luas bagi wanita melalui penyelidikan penyelidikan, seminar, ceramah, forum dan perbincangan.

Memorandum dan kertas-kertas penyelidikan telahpun dikemukakan kepada Kerajaan, kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan dengan tujuan memperolehi perubahan dan hak-hak perundangan bagi wanita dan kanak-kanak.

6. Beberapa tahun kebelakangan ini, NCWO telah berjaya menarik perhatian seluruh negara kepada satu persoalan yang serius dan kritikal, iaitu masalah krisis penguasaan kekerasan terhadap wanita dan deraan ke atas kanak-kanak. Majlis ini telah mencapai beberapa kemajuan dalam aspek perundangan sosial, psikologi dan fizikal. Wanita Malaysia hari ini menunggu pindaan-pindaan terhadap undang-undang yang ada dalam bidang ini. Kesemua ini bertujuan memberikan perlindungan yang lebih baik kepada wanita dan kanak-kanak, dan hukuman-hukuman yang adil dan patut sebagai mencegah mereka yang melakukan jenayah tersebut.

7. Tugas yang paling berat ialah untuk menghapuskan penyalahgunaan najis dadah. Ini merupakan satu lagi usaha NCWO. Ini dilakukan melalui saluran pertubuhan-pertubuhan gabungan yang efektif. NCWO menganggap tugas ini sebagai usaha bersepadu di antara pertubuhan-pertubuhan wanita.

Gerakan supaya ibu bapa menentang penyalahgunaan dadah telahpun dilancarkan dan NCWO beserta pertubuhan-pertubuhan gabungannya telahpun memberi sokongan yang sepenuhnya.

8. NCWO juga telah mempelopori satu badan di peringkat ASEAN, iaitu ASEAN Confederation Of Women's Organisation, di mana enam Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita di seluruh negara ASEAN bersatu untuk memperkuatkan dan mempererat lagi perpaduan dan saling membantu antara negara-negara di rantau ASEAN. Dengan mengenalpasti matlamat dan aspirasi yang sama, bertukar-tukar fikiran dan pengalaman, lahirlah kesedaran akan betapa perlunya wanita bekerjasama pada peringkat antarabangsa.

9. NCWO dalam usia 25 tahun telah bertambah maju dari segi bilangan dan kematangan. Kegiatan-kegiatan yang disusun diperingkat kebangsaan dan antarabangsa dengan berpandukan prinsip-prinsip kemuliaan, harga diri, kerjasama dan dedikasi. Suruhanjaya Tinggi Kanada melalui Persuruhanjaya Tingginya, CIDA dan World University Service of Canada telah bekerjasama rapat dengan projek-projek NCWO, melalui penyertaan pertubuhan-pertubuhan wanita dan pertubuhan-pertubuhan gabungan NCWO. Ini menunjukkan satu pencapaian yang membanggakan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. Masa tidak mengizinkan saya menghuraikan keseluruhan kerja-kerja NCWO selama 25 tahun yang lalu. Memadailah saya katakan bahawa Kerajaan telah memberikan peluang yang sama kepada wanita semenjak merdeka. Usaha-usaha Kerajaan yang sekarang ini diselaraskan oleh HAWA di Jabatan Perdana Menteri akan menunjukkan implementasi yang bermakna melalui usaha-usaha NCWO dan pertubuhan-pertubuhan gabungan. Sebagai penutup, saya ingin mengingatkan semua yang hadir, bahawa zaman lampau ialah warisan kita untuk membina hari ini di atas dasar yang kukuh, berasaskan unsur-unsur yang cemerlang. Kita dengan gigih menghadapi masa depan dengan menyedari apa yang kita lakukan hari ini. Demikianlah NCWO berbangga dengan pencapaiannya yang lalu sambil menghadapi cabaran-cabaran masa kini dengan harapan masa depan akan lebih gemilang dan cemerlang. Semoga NCWO terus bergerak ke hadapan dengan komitmen dan keberanian yang berlebihan lagi.

Sekian.